

07 SEP 2000

Mahathir-G77/I

MAHATHIR SIFATKAN PENDEKATAN G-77 "MENYUKARKAN"

SEPANG, 7 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan proses membuat dasar kumpulan negara-negara membangun G-77 sebagai menyukarkan kerana sebarang keputusannya perlu dicapai dengan kata sepakat semua 130 negara anggotanya.

"Dalam G77, semuanya mesti dilakukan berdasarkan kata sepakat oleh 130 ketua kerajaan. Jelas sekali ia sukar," katanya pada sidang berita di Lapangan Terbang antarabangsa KL setibanya daripada lawatan kerja ke Amerika Syarikat.

Perdana Menteri berkata walaupun sebaik-baiknya semua pemimpin perlu terlibat, tetapi beliau tidak nampak bagaimana ini dapat dilaksanakan.

"Kita tidak ada halangan jika mereka mahu (turut serta), tetapi saya fikir secara praktikalnya ia tidak akan berhasil," katanya ketika ditanya tentang kehadiran pemimpin-pemimpin G-77 yang kurang memuaskan pada pertemuan mereka di New York pada Selasa lepas.

Dr Mahathir berkata berbanding dengan kumpulan negara-negara maju G-8, mesyuarat G-77 lebih sukar dijalankan kerana bilangan negara anggotanya lebih besar.

Satu-satunya kesempatan apabila G-77 dapat mengemukakan pandangannya kepada G-8 ialah selepas sidang kemuncak pertama G-77 di Havana, Cuba pada April tahun ini.

"Tetapi, mereka (G77) tidak dapat menemui ketua-ketua kerajaan G-8 kerana mereka (G-8) berpendapat mereka tidak perlu mengambil kira langsung pandangan Selatan," katanya.

Dr Mahathir berkata G-77 harus menimbang memberikan tugas-tugas tertentu kepada beberapa kumpulan kecil ketua-ketua kerajaan bagi menjadikannya lebih berkesan.

Bagaimanapun, beliau kurang yakin ini dapat dilakukan kerana pemimpin-pemimpin G-77 gemar membincangkan setiap perkara di kalangan mereka.

-- BERNAMA

MAM HS AHH MAI